



## **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila membaca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli polisi Passenger Protection Plus. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am juga.

Apabila perkataan atau frasa muncul dalam huruf tebal, definisi dengan tafsiran adalah dinyatakan dalam ungkapan polisi di bawah seksyen ‘Definisi Polisi Am’.

### **Produk: Polisi Passenger Protection Plus**

**Tarikh Dikeluarkan: Julai 2022**

#### **1. Apakah produk ini?**

- (a) Produk ini memberikan perlindungan sekiranya berlaku kecederaan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.
- (b) Perlindungan yang diberikan adalah di seluruh dunia dan sah selama 24 jam sepanjang Tempoh Polisi.
- (c) Tempoh polisi adalah selama 1 tahun bermula dari Tarikh Permulaan Polisi.
- (d) Perlindungan ini hanya boleh dibeli oleh pengguna berdaftar untuk Pemegang Polisi Induk yang menggunakan aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai PULSE.

#### **2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?**

Polisi ini memberikan manfaat-manfaat berikut:

No	Manfaat	Pampasan (RM)
1	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan	1,000
2	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan - Semasa Berada Di Premis	2,000

#### **Nota Penting mengenai Pampasan –**

1. Bilangan tuntutan yang perlu dibayar di bawah Polisi ini adalah terhad kepada 2 tuntutan bagi Tempoh Polisi untuk kedua-dua manfaat.
2. Polisi ini akan membayar tuntutan sama ada di bawah ‘Manfaat 1: Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan’ atau di bawah ‘Manfaat 2: Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan - Semasa Berada Di Premis’, dan bukan kedua-duanya, untuk Kemalangan yang sama.
3. Untuk ‘Manfaat 2: Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan - Semasa Berada Di Premis’, jika anda mengalami Kecederaan Semasa Berada Di Premis, salinan laporan kejadian mesti dikemukakan kepada polis bantuan yang ditugaskan di premis Pemegang Polisi Induk dalam masa 24 jam dari Kecederaan tersebut dan diserahkan kepada Syarikat.

*Nota: Sila rujuk kepada ungkapan polisi untuk butiran manfaat lanjut.*

#### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Anda harus membayar premium sebanyak RM30.00 (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan).

#### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada perantara/ejen insurans	25%
Cukai Perkhidmatan	6% (tidak termasuk dalam premium)

#### **5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

##### **(a) Kewajipan pendedahan:**

- (i) Anda mesti melaksanakan penjagaan munasabah untuk mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu yang boleh memberi kesan kepada profil risiko anda dan memastikan bahawa semua jawapan anda kepada soalan-soalan adalah penuh, lengkap, betul, jujur dan sepanjang pengetahuan anda kerana maklumat ini menjadi asas kontrak anda.
- (ii) Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Syarikat tentang sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada Syarikat sebelum Syarikat mengeluarkan Sijil Insurans kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan, atau dianggap seolah-olah ia tidak pernah wujud, atau tuntutan anda ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.

##### **(b) Kelayakan:**

Keperluan di bawah juga mesti dipenuhi secara berterusan oleh anda supaya layak mendapat perlindungan di bawah polisi:

##### **Umur:**

Umur kemasukan untuk Polisi ini adalah 18 hingga 60 tahun (termasuk kedua-duanya). Umur anda akan berdasarkan umur pada hari jadi terakhir anda.

##### **Permatautinan:**



Untuk layak mendapat perlindungan di bawah polisi ini, anda mestilah seorang:

- (i) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia;
- (ii) Pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iii) Pemegang pas pekerjaan yang sah (tempat pekerjaan mestilah di Malaysia semasa Tempoh Polisi).

Pekerjaan

Pekerjaan selain daripada yang disenaraikan di bawah Perkara 6, Pengecualian 9' di bawah.

**(c) Tunai Sebelum Perlindungan:**

Syarikat mesti menerima premium yang perlu dibayar pada atau sebelum Tarikh Matang Premium. Tiada manfaat akan dibayar untuk apa tuntutan yang berlaku dalam tempoh yang mana premium tidak diterima.

**(d) Negara kediaman:**

Anda mesti memaklumkan kepada Syarikat jika anda akan meninggalkan Malaysia selama lebih daripada 180 hari berturut-turut. Kegagalan untuk berbuat demikian akan membatalkan perlindungan ini.

**(e) Tuntutan:**

- (i) Syarikat mesti dimaklumkan secepat mungkin secara praktikal dan munasabah dalam apa jua keadaan dalam masa 30 hari selepas tarikh Kemalangan yang mengakibatkan tuntutan.
- (ii) Semua bukti yang munasabah dan perlu yang diperlukan oleh Syarikat mesti diberikan kepada Syarikat untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 90 hari selepas tarikh kemalangan yang mengakibatkan tuntutan.
- (iii) Kegagalan untuk mematuhi (i) di atas mungkin mengakibatkan penolakan semua atau sebahagian daripada tuntutan oleh Syarikat. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika ia dibuat begitu lama selepas peristiwa sehingga Syarikat tidak dapat menyiasat sepenuhnya, atau boleh mengakibatkan Pemegang Sijil tidak menerima amaun penuh yang dituntut jika amaun yang perlu dibayar berubah akibat kelewatan tersebut.

**(f) Bilangan polisi:**

Hanya satu polisi individu yang memberikan produk sama yang diunderait oleh Syarikat dibenarkan. Jika terdapat lebih daripada satu polisi, Syarikat akan menganggap Pemegang Sijil diinsuranskan di bawah Polisi dengan pampasan tertinggi atau, jika pampasan di bawah setiap polisi adalah sama, di bawah polisi pertama yang dikeluarkan.

**(g) Pembaharuan:**

Polisi ini boleh diperbaharui tertakluk kepada terma dan syarat Polisi dan pembayaran premium yang diperlukan oleh Syarikat untuk pembaharuan. Premium untuk pembaharuan Polisi mesti dibayar pada Tarikh Matang Premium. Pembayaran premium pembaharuan oleh anda dan penerimaan pembayaran tersebut oleh Syarikat akan membentuk persetujuan untuk pembaharuan Polisi ini.

**(h) Sanksi:**

Syarikat tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah polisi ini setakat mana peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan muktamadnya kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sanksi perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Syarikat tidak akan membayar apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini berkaitan dengan:

1. Keadaan Sedia Ada atau sebarang komplikasi yang timbul daripadanya, gangguan mental atau saraf, kehamilan atau kelahiran anak
2. Apa-apa Penyakit
3. Bunuh diri atau cubaan bunuh diri, apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang (termasuk kesalahan lalu lintas) atau berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah
4. Mana-mana Pemegang Sijil yang terlibat, berlatih, melatih atau mengambil bahagian dalam mana-mana sukan profesional, mana-mana sukan ekstrem atau aktiviti yang menunjukkan tahap bahaya yang tinggi
5. Apa-apa aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang
6. HIV dan/atau apa-apa penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau apa-apa jenis penyakit venereal
7. Perang, pencerobohan, dan pemberontakan
8. Pembedahan kosmetik, pembedahan plastik atau pembedahan atau rawatan elektif
9. Orang yang terlibat dalam pekerjaan dengan risiko yang tinggi atau pendedahan kepada keadaan yang berbahaya. Senarai ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerjaan berikut:
  - a) Anggota tentera termasuk angkatan bersenjata, operasi tentera laut atau tentera udara;
  - b) Polis, anggota keselamatan termasuk mana-mana pasukan penjaga keamanan;
  - c) Ahli sukan profesional apabila anda boleh atau mungkin memperoleh pendapatan atau ganjaran kerana terlibat dalam sukan tersebut;
  - d) Juruterbang atau petugas mana-mana kapal udara atau kapal laut; dan
  - e) Kerja atau aktiviti luar pesisir termasuk kerja pelantar minyak.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada ungkapan polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*



**7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu kepada Syarikat atau melalui e-mel di alamat yang disediakan di bawah, dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat terhadap polisi tersebut. Pembatalan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana lebih awal. Semasa pembatalan Polisi, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan Skala Tempoh Pendek. Sila rujuk kepada Polisi untuk kadar Skala Tempoh Pendek.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan/peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Syarikat tentang sebarang perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang akan mempengaruhi profil risiko anda.

**9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk buku panduan *Insuranceinfo* mengenai Insurans Kemalangan Diri yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Syarikat di:

AIG Malaysia Insurance Berhad,  
Menara Worldwide,  
198 Jalan Bukit Bintang,  
55100, Kuala Lumpur,  
Malaysia.  
Telefon: 1800 88 8811  
E-mel : [AIGMYCare@aig.com](mailto:AIGMYCare@aig.com)

**10. Jenis perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan**

Sila rujuk kepada laman web Syarikat di: [www.aig.my](http://www.aig.my)

Anda harus membaca dan memahami terma kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan Syarikat jika terdapat sebarang terma yang anda tidak faham sebelum menerima kontrak polisi. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat Polisi ini, Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil boleh menghubungi Syarikat.

AIG Malaysia Insurance Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.